

SPEKIFIKASI STANDARD CAPSICUM

1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk Capsicum tempatan atau nama botaninya *Capsicum annuum var. grossum*. dari keluarga Solanaceae yang dipasarkan untuk kegunaan segar. Spesifikasi ini meliputi varieti-varieti hijau, merah, kuning dan sebagainya. Ia juga dikenali sebagai Cili Benggala atau Cili Epal di pasaran tempatan

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

2.1. ***Kematangan Capsicum Merah*** - Terdiri daripada lima (5) indeks seperti berikut:

2.1.1. ***Indeks 1***: Kulit cili berwarna hijau cerah. Belum matang.

2.1.2. ***Indeks 2***: Kulit cili berwarna hijau dengan sedikit merah. Matang.

2.1.3. ***Indeks 3***: Kulit cili berwarna merah dengan sedikit hijau. Matang.

2.1.4. ***Indeks 4***: Kulit cili berwarna merah sepenuhnya.

2.1.5. ***Indeks 5***: Kulit cili berwarna merah kehitaman. Tekstur lembut. Terlalu matang.

2.2. ***Kematangan Capsicum Kuning dan Hijau*** - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

2.2.1. ***Indeks 1***: Kulit cili berwarna cerah untuk varieti tersebut. Belum matang.

2.2.2. ***Indeks 2***: Kulit cili berwarna pekat mengikut varieti sepenuhnya. Matang.

2.2.3. ***Indeks 3***: Kulit cili berwarna gelap. Terlalu matang.

2.3. ***Kematangan seragam*** - Konsainan dianggap seragam apabila mempunyai satu indeks atau gabungan dua indeks yang hampir seperti 2 dan 3, 3 dan 4, dan sebagainya dalam satu pembungkusan.

2.4. ***Segar*** - Kulit Capsicum kelihatan licin dan berkilat.

- 2.5. **Bersih** - Bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.
- 2.6. **Sempurna bentuk** - Capsicum tersebut mempunyai ciri-ciri dan bentuk varietinya.
- 2.7. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan seperti kotor, cacat bentuk dan cacat rupa.
 - 2.7.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti tanah, sarang serangga, kesan semburan dan lain-lain benda asing.
 - 2.7.2. **Cacat bentuk** - Berbentuk tidak normal seperti ketara melekok, terbantut atau bentuk yang tidak sempurna bagi varieti berkenaan.
 - 2.7.3. **Cacat rupa** - Mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti karat, nyahwarna luar biasa dan kesan parut yang tidak boleh dibersihkan tetapi tidak menjejaskan isi. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit.
- 2.8. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak dan penyakit yang menjejaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
 - 2.8.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti luka kulit, pecah, tiada tangkai dan sebagainya.
 - 2.8.2. Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
 - 2.8.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk, reput dan berkulat yang disebabkan oleh organisma mikro.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran. (minimum Indeks 2)
- 3.2. Agak bebas daripada rosak dan kecacatan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak atau penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3. Masih bertangkai.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1. Capsicum dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
Premium	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 3 ≤ 5 ≤ 5
1	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 10
2	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 10 ≤ 10 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 10

- 4.2. Bagi Capsicum, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		BERAT (g)
Besar	L	A	8.0
Sedang	M	B	6.1 – 8.0
Kecil	S	C	4.0 – 6.0

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Capsicum daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 "*Method of Sampling For Fresh Vegetables*", atau kaedah statistik yang dipersetujui.